



Kisah Kejayaan

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Name of PI1M Nama PI1M	PI1M KG SG.MASIN
Location Lokasi	KG SG.MASIN, BATANG KALI, HULU SELANGOR
Name of person(s) Nama	EN MAHAYUDDIN BIN ABDUL HALIM
Details of person (s) Butiran diri	Umur 41 Tahun Jantina : Lelaki Taraf pendidikan : Sekolah Menengah Pekerjaan : Operator di Pesaka Nuri
Success story Kisah kejayaan	1. Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda Selama saya bekerja sebagai operator, saya langsung tidak pernah menggunakan komputer didalam melaksanakan tugas harian. Tetapi saya berkomunikasi antara rakan sekerja dengan menggunakan aplikasi media social yang menggunakan internet (telefon bimbit) . Dengan adanya internet ini, ini dapat memudahkan lagi segala bentuk komunikasi dan perhubungan kerana ianya lebih laju dan effisyen. Cuma saya masih tidak tahu menggunakan komputer untuk menyiapkan tugas-tugas asas seperti emel, pengisian borang secara atas talian dan sebagainya. 2. Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet. Setelah saya menyertai kelas dan latihan yang ditawarkan di Pusat Internet, sedikit sebanyak, kehidupan saya berubah kerana dengan mempelajari cara-cara menggunakan komputer dan internet, ia dapat memudahkan lagi urusan yang memerlukan internet sebagai perantara contohnya mengisi boring persekolah anak-anak, membayar bil secara online, membuat transfer duit secara online dan sebagainya.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Keterangan gambar Photo caption	  En mahayuddin di dalam kelas asas
Photo caption names Keterangan gambar berserta nama	 En.Mahayuddin hadir ke kela bersama-sama isteri beliau.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
Feedback Maklumbalas	1. Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M? Pada mulanya saya tidak tahu akan kewujudan Pusat internet 1 Malaysia kerana saya tinggal agak jauh dari Pusat Internet tersebut. Setelah diperkenalkan kawan saya, saya pun datang dan terus menyertai latihan dan kelas yang ditawarkan. pada mulanya saya beranggapan bahawa Pusat ini hanya menawarkan perkhidmatan Internet dan latihan sahaja, tetapi rupanya pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan seperti pembayaran bil dan sebagainya. 2. Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M? Tarikan utama saya datang ke tempat ini adalah untuk belajar asas komputer dan internet. Pada mulanya saya datang berseorangan. Oleh kerana kelas agak tidak meriah, saya juga turut mempelawa isteri dan anak-anak saya untuk turut sama belajar. Disamping saya belajar, saya juga boleh membayar bil dan menikmati pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat internet.dengan persekitaran yang kondusif, ini, saya akan lebih kerap mengunjungi dan menikmati setiap perkhidmatan yang ditawarkan dan akan mempelawa lebih ramai rakan untuk datang ke sini. 3. Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain? Dengan adanya inisiatif seperti ini, ini dapat memudahkan dan membantu para penduduk kampung untuk mempelajari dan meningkatkan pengetahuan di dalam bidang asas teknologi dan perkomputeran. Tambahan pula, penduduk turut menjadikan Pusat Internet sebagai pusat sehati. Selain daripada itu, perkhidmatan printing juga lebih murah jika dibandingkan dengan kedai-kedai luar yang berdekatan. Anak-anak saya juga lebih suka untuk menyiapkan kerja sekolah mereka disini kerana segala perkhidmatan berda di bawah satu bumbung.

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	4. Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain. Pada pendapat saya, Pusat Internet haruslah membuat lebih banyak promosi ke pekan berdekatan kerana masih ramai orang tidak mengetahui akan kewujudan Pusat Internet ini. Saya juga menyarankan pusat internet untuk memperbanyakkan program dengan syarikat-syarikat yang terdekat untuk menarik minat golongan seperti saya untuk mempelajari asas komputer